

CRS tidak standard, KPDNHEP beri amaran



Hairulazim Mahmud
azim@hmetro.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran akan bertindak kepada penjual dan industri yang membekal serta menjual kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) tidak mengikut standard.

Menurut kenyataan KPDNHEP di Putrajaya hari ini, penguatkuasaan undang-undang yang digunakan ialah berkaitan aspek representasi palsu atau mengelirukan mengenai segi perihal standard keselamatan produk, kelulusan pihak berwibawa, ciri-ciri pencapaian, penggunaan serta cap dagangan palsu dan sebagainya dalam aktiviti penjualan atau pengiklanan dalam menawarkan produk kerusi keselamatan kanak-kanak ini oleh peniaga atau industri.

"Beberapa peruntukan melalui perundangan yang sedang berkuatkuasa akan digunakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan oleh mana-mana pihak dalam aktiviti penjualan kerusi keselamatan kanak-kanak sama ada di premis perniagaan atau secara dalam talian bagi memastikan keselamatan pengguna dilindungi."

"Antaranya Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012.

"Perintah ini boleh membabitkan larangan kepada CRS yang tidak mematuhi spesifikasi standard yang ditetapkan daripada dijual di premis perniagaan dan tindakan diambil terhadap peniaga yang menjual kerusi tidak mematuhi standard," kata.

Bermula 1 Januari ini, kerajaan mewajibkan penggunaan CRS di dalam kendaraan bagi menyelamatkan kanak-kanak daripada mengalami kecederaan serius atau kematian sekiranya berlaku kemalangan.

Oktober lalu, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menggariskan kriteria utama pembelian CRS antaranya ialah klasifikasi utama berdasarkan piawaian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Peraturan 44 dan 129 iaitu kanak-kanak di bawah ketinggian 135 sentimeter (sm) dan berat kurang daripada 36 kilogram (kg) perlu menggunakanannya.

Selain itu, kerusi itu direka mengikut empat kategori iaitu 0, 0+ (jenis menghadap belakang) dan i, ii, ii (jenis menghadap hadapan).

CRS terbabit juga perlu mematuhi kelulusan Peraturan 44 (UN R44) atau 129 PBB (R129) dan dilengkapi pelekat 'E-marking' serta label PBB berwarna jingga.

Label jingga itu mengandungi maklumat seperti kumpulan kerusi keselamatan untuk kanak-kanak, had berat serta tinggi dan nombor kelulusan PBB.

Sementara itu, KPDNHEP mengingatkan orang ramai supaya menjadi pengguna yang bijak dengan membuat perbandingan dan merujuk kepada garis panduan MIROS itu.

"Para pengguna perlu bertindak bijak dengan menyemak pematuhan standard CRS seperti pelabelan UN R44 dan R129 pada produk yang ditawarkan kerana aspek keselamatan kanak-kanak tidak wajar dikompromi sama sekali," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 30 Disember 2019 @ 10:33 AM

